

SABTU 25 FEBRUARI 2012

UTUSAN MALAYSIA • MUKA 11

Johor

Hidangan istimewa di Pulau Springs

JOHOR BAHRU 24 Feb. - Pulau Springs Resort terus memperhebatkan promosi makanan di resort berkenaan dengan menyajikan hidangan istimewa sepanjang Mac ini.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Charlotte Monterio berkata, hidangan utama dengan harga yang berpatutan itu disajikan di Restoran Gleneagles.

"Orang ramai boleh mencuba *grilled foot long beef ribs* yang diperap rempah asli dan dihidangkan bersama kentang dan sayuran segar. Malah, pelanggan juga boleh mencuba asam pedas rusuk lembu yang dihidangkan terus dari dapur.

"Restoran berkenaan juga menawarkan Bufet Tema Malam Minggu pada setiap Jumaat, manakala pada Sabtu pelanggan boleh menikmati promosi BBQ dengan harga RM48 ke atas bagi dewasa dan RM24 untuk kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.